



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK

ARAHAN PENTADBIRAN BIL 1 TAHUN 2015

Y.A HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH

TUAN HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH

PENDAFTAR

ARAHAN SEMASA PENTADBIRAN

TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk menyelaraskan prosedur kerja mengenai skop tugas terkini dan bidangkuasa yang melibatkan pengurusan pentadbiran dan kehakiman. Perkara ini telah diputuskan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak bersama Jabatan Agama Islam Negeri Perak pada 11 dan 12 Disember 2014.

Berikut adalah arahan yang perlu dipatuhi

REKOD PERCERAIAN

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan catatan rekod perceraian mestilah lengkap dengan memasukkan butiran keadaan semasa perceraian, jenis perceraian, tarikh bermula eddah dan lain-lain perkara yang difikirkan penting untuk rujukan pada masa akan datang.

PENGHANTARAN REKOD PENCERAIAN DIHANTAR MELALUI E-MAIL

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai penggunaan email bagi penghantaran rekod perceraian ke Bahagian Undang-Undang Keluarga di ibu pejabat Jabatan Agama Islam Perak. Selain itu juga rekod perceraian yang

dihantar masih mengikut peraturan yang sedia ada oleh kerana tiada lagi prosedur yang dibuat bagi membolehkan sijil cerai dikeluarkan di Pejabat Agama Daerah. Manakala rekod pendaftaran nikah diemailed ke Pejabat Agama di daerah.

PERMOHONAN NIKAH BAGI INDIVIDU TANPA DOKUMEN

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan permohonan nikah tanpa dokumen seperti muallaf dan wali ghaib boleh diterima oleh mahkamah melalui surat pengesahan dari pihak Jabatan Agama Islam Perak yang disertakan bersekali semasa permohonan dibuat.

ISU PERMASTAUTINAN DAN WALI HAKIM LUAR NEGERI PERAK

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan perkara ini hendaklah merujuk kepada

1. Keputusan Fatwa Negeri Perak, atau
2. Arahan Amalan Ketua Hakim Syariah Negeri Perak juga adalah terpakai apabila pemohon bermastautin di Negeri Perak lebih tiga bulan berserta dokumen pengesahan daripada Ketua Kampung atau majikan atau
3. Kad pengenalan pemohon beralamat di Negeri Perak

PERMOHONAN WALI HAKIM MENGIKUT SEKSYEN 18 ADALAH DIPOHON OLEH PNCR

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan bagi permohonan wali hakim mengikut seksyen 18 hendaklah dipohon oleh PNCR menggunakan format yang telah disediakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak. Ianya adalah terpakai untuk orang asli dan muallaf

PENGURUSAN KES PERCERAIAN YANG MELIBATKAN ORANG ASLI DAN MUALLAF

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan bagi permohonan kes perceraian di mahkamah melibatkan orang asli mestilah difailkan oleh PNCR dan peruntukan bagi permohonan kes adalah melalui bayaran daripada pihak mubaligh.

PENGESAHAN NIKAH WARGA ASING

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan mahkamah boleh menerima pengesahan nikah bagi warganegara asing yang tinggal di Malaysia untuk disahkan pernikahan tersebut sekiranya diyakini tanpa perintah untuk didaftarkan.

PERMOHONAN PENGESAHAN NIKAH DILUAR NEGARA

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan bahawa kes pengesahan ini mestilah melalui Bahagian Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Perak terlebih dahulu untuk siasatan awal.

Bagi pengesahan pernikahan di luar negara yang tidak menimbulkan keraguan, Bahagian Undang-Undang Keluarga akan terus mendaftarkan pernikahan tersebut. Sekiranya wujud keraguan terhadap pernikahan yang berlaku diluar Negara dalam tempoh siasatan, Bahagian Undang-Undang Keluarga akan memanjangkan perkara ini ke mahkamah. Bagi permohonan yang dibuat ke mahkamah pula mestilah disertakan surat daripada PNCR untuk didaftarkan.

ISU PEMASTAUTINAN PEMOHON BAGI PENGESAHAN NIKAH DI LUAR NEGARA

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan bahawa beberapa perkara yang perlu diberi perhatian didalam menerima permohonan pengesahan nikah di luar negara.

1. Kad pengenalan pemohon tinggal di Negeri Perak
2. Sijil pernikahan di luar Negara beralamat di Negeri Perak.

PROSIDING KES JENAYAH SYARIAH

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan bahawa beberapa perkara yang dipersetujui adalah seperti berikut :


1. Ketetapan waktu mahkamah bersidang adalah mengikut Arahan Amalan bermula jam 9.00 pagi.
2. Penyelarasan penggunaan nombor kes mengikut nombor fail mahkamah
3. Kes-kes jenayah yang telah ditetapkan mengikut jadual diberi keutamaan

PROSES MENGAMBIL DAN MENGHANTAR OKT

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan telah bersetuju dan mengesahkan bahawa sebutan kali pertama kes adalah dibawah tanggungjawab Pegawai Penguatkuasa Agama dan prosiding seterusnya kemudian dibawah tanggungjawab Polis Di Raja Malaysia.

PERAK


Arahan Pentadbiran ini adalah berkuatkuasa mulai 2 Januari 2015



(DATO HAJI MUHAMMAD ASRI BIN HAJI ABDULLAH)

KETUA HAKIM SYARIE

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PERAK.



PERAK